

Lampiran Penerangan Produk - Insurans Kapal Marin - Kapal & Jentera

Sila baca Helaian Pendedahan Produk ini sebelum anda memutuskan untuk mengambil **Insurans Kapal Marin - Kapal & Jentera**. Pastikan anda juga membaca terma dan syarat am.



1. Apakah produk ini?

Insurans ini memberikan perlindungan kepada anda untuk Kapal anda semasa dikendalikan dalam had perdagangan yang ditentukan.

2. Apakah perlindungan / manfaat yang disediakan?

Covers/benefit Perlindungan/manfaat adalah tertakluk pada Fasal-fasal.

a) Fasal Masa Institut (Kapal) 1.10.83.

Fasal ini melindungi kerugian atau kerosakan Kapal yang diinsuranskan.

b) Fasal Masa Institut (Kerugian Menyeluruh sahaja) 1.10.83.

- Fasal ini melindungi Kerugian Menyeluruh (Kerugian Menyeluruh Sebenar dan Kerugian Konstruktif Menyeluruh) Kapal yang diinsuranskan yang disebabkan oleh peril berikut:
 - Peril laut, sungai, tasik atau perairan lain yang boleh dilayari;
 - Kebakaran, letupan;
 - Kecurian dengan keganasan oleh orang dari luar Kapal;
 - Jetison (Pembuangan);
 - Pelanunian;
 - Kerosakan atau kemalangan pemasangan nuklear atau reaktor;
 - Perlanggaran dengan pesawat atau objek serupa, atau objek yang jatuh daripadanya, pengangkutan darat, peralatan atau pemasangan dermaga atau pelabuhan;
 - Gempa bumi, letusan gunung berapi atau kilat.
- Dan dengan syarat kerugian atau kerosakan tersebut bukan disebabkan oleh usaha wajar Orang yang Diinsuranskan, Pemilik atau Pengurus:
 - Kemalangan semasa memuat, memunggah atau mengalihkan muatan atau bahan api;
 - Letupan dandang, kepecahan aci atau apa-apa kecacatan pendam pada jentera atau kapal;
 - Kecuaian Ketua Pegawai Krew atau Jurumudi;
 - Kecuaian pemberi atau penyewa dengan syarat pemberi atau penyewa tersebut bukan Orang yang Diinsuranskan di bawah polisi ini;
 - Baratri Pegawai Kanan atau Krew.

Nota: Penerangan mengenai perlindungan yang tersedia hanya sebagai ringkasan untuk rujukan pantas dan mudah. Sila rujuk kontrak polisi untuk maklumat lengkap perlindungan/manfaat di bawah Polisi ini.

3. Berapakah premium yang perlu saya bayar?

Premium yang perlu anda bayar mungkin berbeza bergantung pada pendedahan risiko dan keperluan pengunderaitan kami.

4. Apa yang perlu saya bayar selain daripada Premium?

- Duti setem - RM10
- Cukai Perkhidmatan (CP)(jika berkenaan) - Kadar CP berkenaan yang dikenakan oleh Kerajaan
- Komisen yang dibayar (termasuk dalam premium) kepada Perantara Insurans (jika ada) - maksimum sehingga 15% daripada premium.

5. Apakah terma dan syarat utama yang perlu diambil perhatian?

- Kepentingan pendedahan

Tanggungjawab anda kepada kami

Tanggungjawab untuk Polisi Insurans bukan Pengguna

Memandangkan polisi ini bukan Polisi Insurans Pengguna, sebelum kontrak polisi ini dibuat, diubah atau diperbaharui, Anda mempunyai tanggungjawab untuk mendedahkan kepada Kami apa-apa perkara yang:

- (a) Anda tahu adalah relevan dengan keputusan Kami sama ada akan menerima risiko atau tidak serta kadar dan syarat yang akan dikenakan; atau
- (b) seseorang yang wajar dalam keadaan itu dijangka akan mengetahui perkara yang relevan.

“Polisi Insurans Pengguna” bermaksud kontrak insurans yang dibuat, diubah atau diperbaharui oleh seseorang untuk tujuan peribadi sahaja yang tidak berkaitan dengan perdagangan, perniagaan atau profesion individu tersebut.

Polisi Insurans bukan Pengguna adalah polisi selain daripada Polisi Insurans Pengguna.

- Anda mesti memastikan bahawa jumlah yang diinsuranskan mencukupi, mewakili nilai pasaran semasa kapal setelah mengambil kira jangka hayat, keadaan dan haus & lusuh.
- Insurans ini akan tamat secara automatik pada waktu perubahan klasifikasi, pemilikan, bendera atau pengurusan, atau carter berdasarkan kapal kosong melainkan pengunderit bersetuju sebaliknya secara bertulis.
- Anda mesti memastikan kapal diniagakan dalam had perdagangan yang ditentukan.
- Deduktibel/lebihan adalah jumlah yang perlu anda tanggung sebelum kami membayar tuntutan.

Perkara di atas adalah ringkasan sebahagian terma dan syarat utama polisi dan adalah tidak lengkap. Sila baca kontrak polisi untuk keseluruhan terma dan syarat insurans ini.

6. Apakah pengecualian-pengecualian utama di bawah polisi ini?

Polisi ini tidak melindungi:

- Risiko Perang, Risiko Mogok & Perbuatan Niat Jahat (Perkara ini dapat dilanjutkan tertakluk pada Fasal Perang dan Mogok Institut (Kapal - Masa) dengan premium tambahan
- Pengecualian Nuklear
- Pencemaran Radioaktif, Senjata Kimia, Biologi, Biokimia dan Elektromagnet

Senarai ini tidak lengkap dan tidak terpakai untuk semua seksyen. Sila rujuk sampel kontrak polisi untuk senarai penuh pengecualian.

7. Bolehkah saya membatalkan polisi saya?

Anda boleh membatalkan polisi anda dengan memberikan notis secara bertulis kepada kami. Selepas pembatalan, anda berhak mendapat bayaran balik premium berdasarkan jumlah bersih pro-rata untuk setiap bulan yang belum bermula. Tiada bayaran balik premium yang akan dibenarkan jika terdapat tuntutan di bawah polisi.

8. Apakah yang perlu saya lakukan sekiranya terdapat pertukaran pada butiran hubungan saya?

Anda hendaklah memaklumkan kepada kami tentang apa-apa pertukaran dalam butiran hubungan anda untuk memastikan segala surat-menjurat sampai kepada anda tepat pada masa.

9. Dari mana saya boleh dapatkan maklumat lanjut?

Sekiranya anda memerlukan maklumat tambahan mengenai Polisi Insurans Kapal Marin - Kapal & Jentera, anda boleh menghubungi perantara insurans anda, atau menghubungi kami di cawangan kami di seluruh negara atau di:

Chubb Insurance Malaysia Berhad
No. Pendaftaran: 197001000564 (9827-A)
Wisma Chubb
38 Jalan Sultan Ismail
50250 Kuala Lumpur
T +6 03 2058 3000
F +6 03 2058 3333
E Inquiries.MY@chubb.com
W www.chubb.com/my

10. Perlindungan insurans serupa lain yang tersedia

Insurans Kapal Marin - Kapal Layar / Kapal Persiaran

NOTA PENTING:

ANDA MESTI MEMASTIKAN HARTA ANDA DIINSURANSKAN PADA JUMLAH YANG SESUAI. ANDA HENDAKLAH MEMASTIKAN BAHWA POLISI INSURANS INI MEMENUHI KEPERLUAN ANDA DAN PREMIUM YANG PERLU DIBAYAR DI BAWAH POLISI INI ADALAH JUMLAH YANG MAMPU ANDA BAYAR. ANDA HENDAKLAH MEMBACA DAN MEMAHAMI POLISI INSURANS DAN BERBINCANG DENGAN PERANTARA INSURANS ATAU MENGHUBUNGI CHUBB INSURANCE MALAYSIA BERHAD SECARA LANGSUNG UNTUK MAKLUMAT LANJUT.

Maklumat yang diperuntukkan dalam helaian pendedahan ini adalah ringkasan untuk rujukan pantas dan mudah. Terma dan syarat tepat yang berkenaan dinyatakan dalam kontrak polisi.

Helaian pendedahan produk ini disediakan dalam Bahasa Inggeris dan Bahasa Melayu. Sekiranya terdapat pertikaian antara versi Bahasa Inggeris dengan Bahasa Melayu, versi Bahasa Inggeris hendaklah digunakan.

Sila maklum bahawa:

- anda mempunyai kewajipan untuk mengambil langkah-langkah sewajarnya untuk memberikan semua maklumat yang relevan kepada kami atau perantara kami agar kami dapat menyediakan produk kewangan yang paling sesuai kepada anda. Sekiranya anda menyembunyikan sebarang maklumat yang kami atau perantara kami minta, atau memberikan maklumat yang tidak tepat, kami mungkin tidak dapat mengesyorkan produk kewangan yang sesuai kepada anda untuk memenuhi keperluan anda;
- anda hendaklah membaca dan memahami syarat kontrak dan berbincang lebih lanjut dengan kami atau perantara kami jika terdapat syarat yang tidak difahami, sebelum menerima kontrak polisi.

Dengan menerima kontrak polisi, anda memperakui bahawa perantara atau pegawai Chubb telah menerangkan kepada anda dengan jelas mengenai perlindungan kontrak polisi dan syarat-syarat kontrak utama, dan bahawa kontrak polisi yang ditawarkan sesuai untuk keperluan insurans anda.

Maklumat yang diperuntukkan dalam helaian pendedahan produk ini adalah sah pada 01/06/2024.

CHUBB INSURANCE MALAYSIA BERHAD dilesenkan di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 dan dikawalselia oleh Bank Negara Malaysia.

Manfaat-manfaat yang dibayar di bawah sijil/polisi/produk yang layak adalah dilindungi oleh PIDM sehingga had perlindungan. Sila rujuk kepada [Brosur Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans PIDM](#) atau hubungi [Chubb Insurance Malaysia Berhad](#) atau PIDM (layari www.pidm.gov.my).